

TAJUK : ERA MASYARAKAT JAHILIYYAH (TINGKATAN SATU)

(Masyarakat Arab Sebelum Kerasulan Nabi Muhammad SAW Dari Segi Akidah)

(A) ARAHAN : ISI TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG BETUL.

1. Jahiliyyah berasal daripada perkataan _____ 'jahala' yang bermaksud _____ ,
bodoh atau jahil.
2. Masyarakat Arab dahulu bukanlah jahil yang memberi maksud mereka tidak _____.
Mereka terkenal dengan kehebatan bersyair dan _____.
3. Mereka jahil dari segi _____ dan akhlak.
4. Masyarakat Arab jahiliyyah menganut ajaran _____ dan Nabi Ismail AS tetapi
mencampuradukkannya dengan penyembahan berhala, amalan sihir dan _____.
5. Mereka banyak melakukan perilaku buruk seperti suka _____perempuan dan hamba,
berjudi serta _____.

(B) ARAHAN : SUAIKAN JAWAPAN YANG BETUL.

AGAMA YAHUDI	•	• Agama samawi yang diubahsuai daripada ajaran Nabi Isa AS mengikut keinginan penganutnya.
AGAMA NASRANI	•	• Ciri-ciri kepercayaan agama ini sama dengan agama Islam.
KEPERCAYAAN MAJUSI	•	• Kepercayaan bahawa setiap benda mempunyai roh dan semangat.
KEPERCAYAAN ANIMISME	•	• Berhala dari negeri Syam bernama 'Hubal' dibawa balik ke Mekah dan diletakkan di dalam Kaabah.
AGAMA HANIF	•	• Kepercayaan yang dianuti oleh golongan penyembah api.
AGAMA PENYEMBAH BERHALA	•	• Agama samawi yang diubahsuai daripada ajaran Nabi Musa AS mengikut keinginan penganutnya.